

RANCANGAN PENGANGKUTAN SEKOLAH DI MALAYSIA DAN HUBUNGANYA DENGAN PERANAN IBU BAPA

Sathuruba Jnaniee a/l Krishnan
p101374@siswa.ukm.edu.my
Mohd Izham Bin Hj Mohd Hamzah, Ph. D
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Kertas konsep ini bertujuan untuk membincangkan peranan ibu bapa dalam Rancangan Pengangkutan Sekolah di Malaysia (RPS). Rancangan Pengangkutan Ke Sekolah adalah satu inisiatif yang diperkenalkan untuk meningkatkan bilangan murid memilih pengangkutan secara berjalan ataupun berbasikal ke sekolah. Berjalan ataupun berbasikal ke sekolah memberi kesan yang baik dari segi fizikal dan mental seseorang murid bagi menghadapi hari persekolahnya. Kertas konsep ini menggunakan Teori Medan Kurt Lewin sebagai asas untuk menganalisis perubahan organisasi. Dapatan kajian lepas menunjukkan keselamatan murid, infrastruktur yang baik, penguatkuasaan dan perancangan RPS berdasarkan lokasi, latar belakang dan sosio ekonomi menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap persepsi ibu bapa. RPS dapat meningkatkan pergerakan fizikal kanak-kanak dimana ia menyumbangkan kepada pengurangan risiko obesiti dan kurang cergas. Perancangan yang jelas dari aspek dasar, latihan dan pelaksanaan dapat menjayakan program RPS di Malaysia.

Kata kunci : Rancangan, Obesiti, Kesihatan. Pengangkutan.

Abstract

This concept paper aims to discuss the role of parents in the School Transport Plan in Malaysia (RPS). The School-to-School Transportation Plan is an initiative introduced to increase the rate of students choosing transportation by walking or cycling to school. Walking or cycling to school has a good physical and mental impact on a student to face his school day. This concept paper uses Kurt Lewin Field Theory as a basis for analyzing organizational change. Findings of previous studies show that student safety, good infrastructure, enforcement and planning of RPS based on location, background and socioeconomics show a significant relationship to parental perception. RPS can increase the physical movement of children where it contributes to the reduction of the risk of obesity and poor fitness. Clear planning in terms of policy, training and implementation can make the RPS program a success in Malaysia.

Keywords: *Planning, Obesity, Health. Transportation.*

Kanak-kanak seperti orang dewasa dimana mereka memerlukan pengangkutan terutamanya ke sekolah. Ramai di antara kita berjalan ke sekolah dan ia adalah sebahagian daripada aktiviti fizikal seharian pada masa dahulu. Walaubagaimanapun, sejak kebelakangan ini, kebanyakan ibu bapa sukar untuk membenarkan anak mereka berjalan ke sekolah. Aktiviti fizikal adalah perlu bagi murid-murid sekolah untuk memastikan tahap kesihatan mereka dalam keadaan yang baik. Berjalan ke sekolah adalah satu aktiviti yang boleh memberi manfaat kepada kesihatan murid-murid sekolah rendah (Shokoohi et al. 2017). Berjalan ataupun berbasikal ke sekolah memberi kesan yang baik dari segi fizikal dan mental seseorang murid bagi menghadapi hari persekolahnya (Mammen et al. 2014).

Menurut *Centres for Disease Control and Prevention* (CDC), tahap penglibatan murid-murid sekolah dalam aktiviti fizikal berada pada bilangan yang rendah dan ianya tidak mencukupi mengikut standard yang ditetapkan oleh *National Association for Sport and Physical Education* (NAPSE) 2013 (Facts 2017). Keadaan ini mendorong kepada peningkatan

masalah kegemukan dalam kalangan murid yang boleh menyebabkan kesan negatif kepada kesihatan mereka pada masa hadapan. Disamping itu, penglibatan dalam aktiviti fizikal dapat menyumbang kepada kesihatan mental dan tahap kualiti kehidupan seseorang. Berdasarkan Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah 2018 sebanyak 66 834 murid tahun enam merekodkan Indeks jisim badan yang berlebihan. Status murid sekolah bandar yang kurang cergas dan tidak cergas adalah lebih tinggi berbanding sekolah luar bandar.

Analisis data juga menunjukkan terdapat pertambahan status murid Obes bagi tahun 2018 berbanding 2017 sebanyak 9,106 (1.7%) (Ministry of Education Malaysia 2018). Pensyarah di jabatan pemakanan dan dietetik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dr. Poh Bee Kee berkata, prevalen lebih berat badan dan kegemukan lebih tinggi di kalangan remaja di bandar berbanding remaja luar bandar (Kamaruzaman et al. 2013). Masalah kegemukan ataupun obesiti dikalangan murid sekolah rendah bukan menjadi perkara yang baharu, malah bilangan yang makin meningkat amat merisaukan dan mendorong Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil pelbagai langkah dan usaha bagi meningkatkan kesedaran disamping langkah pencegahan,


PERBINCANGAN

Kurt Lewin (9 September 1890 - 12 Februari 1947) adalah ahli psikologi Jerman-Amerika yang dianggap sebagai perintis moden dalam bidang psikologi sosial, psikologi organisasi, dan psikologi yang diterapkan di Amerika Syarikat dan juga menganggap Bapa Psikologi Sosial. Teori Lapangan Kurt Lewin (Burnes & Cooke, 2013) telah dibangunkan untuk memahami tingkah laku individu, tetapi juga telah digunakan untuk menganalisis perubahan organisasi. Pemilihan teori ini berdasarkan pengurangan jurang di antara pihak berkepentingan dalam menjayakan Rancangan Pengangkutan Jalan (Buttazzoni 2018).

Ini adalah kerana persepsi ibu bapa menjadi cabaran utama dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Persepsi negatif ibu bapa dapat diatasi dengan pendedahan kepada kebaikan dimana kerjasama memainkan peranan yang penting. Teori ini yang berfokus kepada perubahan organisasi dapat menganalisis tingkah laku. Jawatankuasa Rancangan Pengangkutan Sekolah dapat menangani tingkah laku ibu bapa, pengguna jalan raya, penguatkuasa tempatan, pentadbir, guru dan murid dapat merapatkan jurang dengan menggunakan teori ini. Teori ini berfokus kepada kerumitan dan pengaruh luar yang menjadi bantuan dan halangan dalam pelaksanaan sesuatu rancangan.

Teori Lapangan Kurt Lewin mengkaji interaksi antara satu individu dan medan secara menyeluruh. Pemikiran ini diterapkan dengan menggunakan Gestaltism. Teori ini menunjukkan bahawa tingkah laku seseorang dipengaruhi oleh persekitaran sekitar (termasuk interaksi dengan orang lain) dan apa yang terjadi di dalam dirinya, seperti imaginasi dan pengetahuan. Mengikut teori ini, kehidupan seseorang terdiri daripada beberapa ruang pengalaman. Gambar di bawah menunjukkan seseorang (P) menuju ke arah matlamat hidupnya (G) dengan ruang-ruang pengalaman ini.

P = Jawatankuasa RPS, O = keadaan semasa, G = matlamat yang disasarkan (fungsi dan kelestarian yang lebih baik), dan sektor antara O dan G mewakili pelbagai daya yang mempengaruhi perubahan (Burnes and Cooke, 2013). "+" = Membantu halangan, "-" = Daya kekangan.



Rajah 1 Suasana Sekolah Mengikut Teori Lapangan Kurt Lewin.

KAJIAN LITERATUR

Rancangan Pengangkutan Ke Sekolah adalah satu inisiatif yang diperkenalkan untuk meningkatkan bilangan murid untuk memilih pengangkutan secara jalan ataupun berbasikal ke sekolah. Ianya adalah untuk mengatasi masalah / cabaran yang dihadapi oleh murid, sekolah, ibu bapa dan masyarakat dengan pelbagai kaedah ataupun strategi (Rutberg & Lindqvist 2018). Aktiviti fizikal memberi kesan yang baik kepada kanak-kanak. Tambahan pula, kajian-kajian sebelum ini mendapati aktiviti fizikal murid dapat meningkatkan tahap kognitif dan kesihatan otak (Shokoohi et al. 2017). (Rutberg & Lindqvist 2018) mencadangkan supaya waktu aktiviti fizikal kanak-kanak harus ditingkatkan sekurang-kurangnya 60 minit dalam sehari yang boleh dibahagikan kepada beberapa sesi. Aktiviti fizikal dapat menangani masalah peningkatan bilangan kegemukan ataupun obesiti dikalangan murid, aktiviti (Peddie & Somerville 2005).

Rancangan pengangkutan ke sekolah adalah satu program yang membantu meningkatkan aktiviti fizikal murid selain daripada aktiviti kokurikulum dan permainan murid disekolah (Faulkner et al. 2009). Mengikut (Hawley et al. 2019). Kajian (McDonald 2007) telah membuktikan rancangan ini berjaya meningkatkan masa pergerakan murid dengan penggunaan tenaga yang banyak. Kekurangan melaksanakan aktiviti fizikal dikalangan kanak-kanak dan remaja memberi impak yang negative kepada kesihatan fizikal dan mental mereka. Kanak-kanak perlu diberi pengetahuan tentang kepentingan / kebaikan berjalan ke sekolah. Rancangan ini berjaya dilaksanakan di beberapa negara seperti Canada, Tehran, England dan juga Amerika dan mendapat sambutan yang baik daripada pihak sekolah, ibu bapa dan juga murid.

Sekolah di negara Tehran dapat menambahkan bilangan murid yang berjalan kaki ke sekolah dengan mengenakan peraturan lalu lintas yang ketat (Shokoohi et al. 2017). Berdasarkan laporan rancangan pengangkutan jalan di London, peratusan murid yang berbasikal dan berjalan ke sekolah meningkat sebanyak 15% (Newson et al. n.d.). (Buttazzoni 2018) Aktiviti fizikal murid telah meningkat dengan implementasi rancangan ini di negara Canada (Mammen et al. 2014). Walaupun Rancangan ini memberi kesan yang positif dikalangan murid, penglibatan keseluruhan murid masih minimum jika dibandingkan daripada awal hingga akhir setiap tahun. Penglibatan murid sekolah rendah yang pada awalnya pada bilangan yang tinggi telah menurun sehingga 34.2% (McDonald 2007).

Daripada 26/30 kajian yang dijalankan di sekolah telah mencatatkan penggunaan kereta menurun dengan purata lebih daripada separuh murid memilih untuk berjalan yang memberi kesan yang positif kepada aktiviti murid dan udara yang nyaman (Facts 2017). Mengikuti (Shokoohi et al. 2017) rancangan pengangkutan ke sekolah dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan sekolah dan asap kereta. negara Tehran. Berdasarkan guru, dengan perjalanan program ini murid-murid peka terhadap kesihatan mereka terutamanya berat badan mereka. Disiplin murid juga memberi kesan yang positif dimana murid patuh pada ketetapan masa dan peraturan lalulintas. Dengan berjalan ke sekolah murid dapat bangun awal dan berborak dengan kawan semasa kesekolah. Keyakinan diri, berdikari dan budaya mesra murid telah meningkat. Masyarakat sekeliling peka terhadap kerosakan pada trek pejalan kaki terutamanya jalan yang digunakan oleh murid ke sekolah (Facts 2017).

Jarak ke sekolah menjadi isu yang utama dalam persetujuan kepada rancangan ini dikalangan ibu bapa di sekitar Barat Ontario, Canada. (Rutberg & Lindqvist 2018). Peningkatan kes jenayah terhadap kanak-kanak merisaukan ibu bapa untuk memilih program jalan ke sekolah (Aminuddin Ruskam Al-Dawamy & Siti Nur Huda Binti Sulaiman 2000). Berdasarkan (Mammen et al. 2014), jarak ke sekolah adalah faktor yang penting dalam keselamatan kanak-kanak. Kajian membuktikan jarak yang dekat ke sekolah adalah selamat bagi murid untuk menyertai program ini. Selain daripada itu sistem keselamatan sekolah dan persekitarannya memengaruhi keselamatan murid yang berjalan ke sekolah. (McDonald 2007) mencadangkan jarak yang selamat untuk berjalan ke sekolah adalah 2.09 km ataupun 30 minit.

Bilangan kes jenayah yang meningkat terhadap kanak-kanak menjadi perbincangan umum. Pengkaji berpendapat bilangan jenayah terhadap kanak-kanak meningkat secara mendadak (Aminuddin Ruskam Al-Dawamy & Siti Nur Huda Binti Sulaiman 2000). Di negara Amerika, peraturan murid yang berjalan ke sekolah masih dalam bilangan yang minimum disebabkan kerisauan ibu bapa tentang keselamatan anak mereka. Di Malaysia, akta kanak-kanak 2001 (akta 611) telah diperkuatkan untuk melindungi mereka daripada segala jenis kekerasan dan jenayah. Ibu bapa dan penjaga dipersalahkan jika tanggungjawab mereka diabaikan (Act 611; Mohd Yussof & Tahir, 2005). Keselamatan murid bukan sahaja tertumpu kepada kes jenayah, malah keselamatan jalan raya juga memainkan peranan yang penting dimana ia menjadi faktor kepada pemilihan jenis pengangkutan oleh ibu bapa. (Fatimah & Osman, 1997).

Sekolah St. Sebastian di Liverpool dapat mengurangkan masalah kelewatan murid ke sekolah dan juga kemudahan jalan raya seperti lampu jalan telah diperbaiki bagi melancarkan program ini. (Newson et al. n.d.). Rancangan pengangkutan ke sekolah telah mengurangkan penggunaan kereta sebagai medium pengangkutan utama ke sekolah oleh para ibu bapa (Buttazzoni 2018). Dengan pengamalan program ini, kemudahan pejalan kaki telah dipertingkatkan. Pengetahuan tentang kesihatan terutamanya berat badan telah meningkat. Kepatuhan kepada masa terutamanya masa hadir ke sekolah telah dicapai dengan kehadiran tepat pada waktu. Kecergasan murid meningkat apabila kanak-kanak berjalan untuk masa yang lama kesekolah daripada menggunakan kenderaan. Kecenderungan murid untuk belajar perkara baru meningkat seperti peraturan lalu lintas.

Kajian oleh (Shokoohi et al. 2017) mendapati kemudahan pejalan kaki memainkan peranan yang penting dalam pemilihan murid jalan ke sekolah seperti laluan pejalan kaki tertutup, lampu disepanjang jalan, lintas jalanraya, pengawasan CCTV ataupun pihak keselamatan. Persepsi ibu bapa yang menghantar anak semasa ke tempat kerja juga mempengaruhi pengurangan murid berjalan ke sekolah dimana ibu bapa terlalu selesa menghantar anak mereka semasa ke pejabat (McDonald 2007). Jarak ke sekolah dan umur murid menjadi faktor halangan dalam pemilihan untuk berjalan ke sekolah. Ia adalah kerana murid tahap satu yang masih kecil dikira terlalu muda untuk berjalan ke sekolah terutamanya ketika menyeberangi jalan dan juga ancaman keselamatan (Buttazzoni 2018). Penggunaan kenderaan sendiri adalah lebih selamat daripada berjalan ataupun berbasikal di tempat awam.

Ada juga yang berpendapat dengan pengurangan bilangan jenayah seperti kes ragut, kemalangan jalan raya yang melibatkan pejalan kaki dan peningkatan infrastruktur laluan pejalan kaki seperti lampu jalan, kamera pengawasan dapat meningkatkan kepercayaan ibu bapa ataupun penjaga terhadap program ini. Majoriti ibu bapa berpendapat berjalan ke sekolah adalah cara terbaik dan sihat bagi anak mereka dan ada juga ingin mengawasi perjalanan anak mereka sentiasa diawasi oleh mereka seperti mengikut anak ke sekolah dengan berjalan. Di Tehran, 36% kanak-kanak lebih suka untuk berjalan ke sekolah bersama kawan mereka. 43% ibu bapa risau tentang tahap keselamatan anak mereka sepanjang perjalanan kesekolah masih rendah dimana ia menjadi faktor utama dalam pemilihan jalan kesekolah (Shokoohi et al. 2017).

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1

Maklumat Keluarga Yang Bertukar kepada RPS

Table 1
Proportion of families who changed travel mode to AST at one-year follow-up.

	AM	PM
Δ Travel habit	<i>n</i> =7107	<i>n</i> =7077
Less driving	16.7% (<i>n</i> =1188)	17.1% (<i>n</i> =1211)
No change	80.3% (<i>n</i> =5707)	80.2% (<i>n</i> =5676)
More driving	3.0% (<i>n</i> =212)	2.7% (<i>n</i> =190)
Δ Travel mode	<i>n</i> =1188	<i>n</i> =1211
AST	84.3% (<i>n</i> =1002)	82.2% (<i>n</i> =995)
Public transit	9.1% (<i>n</i> =108)	9.5% (<i>n</i> =115)
Other (e.g., carpooling)	6.6% (<i>n</i> =78)	8.3% (<i>n</i> =101)

Jadual 1 menunjukkan data keluarga yang bertukar kepada Rancangan Pengangkutan Sekolah dalam satu tahun. Secara keseluruhan sejumlah 17% ibu bapa mengurangkan penggunaan kereta dalam tahun yang dikaji. 80% ibu bapa masih mengekalkan kereta sebagai pengangkutan ke sekolah dan 3% kerap memandu ke sekolah. Daripada 17% ibu bapa yang mengurangkan memandu kesekolah, sebanyak 84.3% iaitu 1002 orang pada waktu pagi dan 995 orang pada waktu tengah hari memilih RPS sebagai pengangkutan ke sekolah.

Jadual 2

Demografi Responden

Table 2

Correlates of travel mode change from driving to AST one year following STP implementation.^a

		AM PERIOD: B(SE), OR (95% CI interval)	PM PERIOD: B(SE), OR (95% CI interval)
Child age		.07(.02), 1.08 (1.04–1.11)**	.07(.02), 1.08 (1.04–1.12)**
Gender (female)		.11(.08), 1.12 (.95–1.32)	-.03(.08), .98 (.83–1.15)
Distance	(> 3 km)	Reference category	Reference category
	< 500 m	1.53 (.19), 4.63 (3.20–6.66)***	1.73 (.21), 5.63 (3.76–8.43)***
	.5–1.5 km	1.54 (.18), 4.70 (3.32–6.66)***	1.77 (.20), 5.85 (3.99–8.56)***
	1.5–3 km	.76 (.20), 2.14 (1.45–3.13)**	1.01 (.21), 2.74 (1.81–4.14)**
Vehicles owned		.04(.05), 1.00 (.91–1.11)	.02(.05), 1.02(.92–1.12)
Number of students		.00(.00), 1.00 (1.00–1.01)	.000(.00), 1.00 (1.00–1.01)
Location	Rural	Reference category	Reference category
	Urban	.58 (.23), 1.78 (1.13–2.81)**	.62 (.24), 1.85 (1.16–2.95)**
	Suburban	.80 (.23), 2.54 (1.41–3.53)***	.80 (.24), 2.23 (1.39–3.56)***
School SES	low	Reference category	Reference category
	Medium	.27 (.11), 1.32 (1.05–1.64) ^a	.18(.11), 1.19(.95–1.50)
	High	.11(.14), 1.12 (.85–1.47)	.11(.14), 1.12(.85–1.48)

AM period: $R^2 = .112$ (Cox and Snell), .173 (Nagelkerke), Model $\chi^2(1) = 103.73$, $p = .000$; PM period: $R^2 = .078$ (Cox and Snell), .106 (Nagelkerke), Model $\chi^2(1) = 70.850$, $p = .000$

^a Binomial regression analysis employed.

*** denoted $p < .001$.


** denoted $p < .05$.

Jadual 2 merujuk kepada faktor demografi seperti kanak-kanak, keluarga, peringkat sekolah dalam menentukan pemilihan RPS. Dapatan kajian menunjukkan peringkat umur kanak-kanak mempunyai hubungan yang kuat dalam pemilihan RPS. Jarak dari sekolah ke rumah murid juga memainkan peranan yang penting. Murid yang tinggal 500m hingga 3km dari sekolah memilih RPS untuk ke sekolah. Murid-murid sekolah bandar dan luar bandar menunjukkan hubungan yang baik dalam pemilihan RPS berbanding dengan murid dari kawasan pendalaman. Secara keseluruhan murid-murid suka untuk berjalan ke sekolah pada waktu tengah hari berbanding dengan waktu pagi. Pemilikan kereta, enrolmen murid dan jantina tidak memberikan kesan dalam pemilihan RPS.

Jadual 3

Dapatan Cadangan Penambahbaikan

G. Mammen et al. / Journal of Transport & Health ■ (■■■■) ■■■-■■■



Berdasarkan keputusan kajian jadual 3, majoriti ibu bapa memilih penambahbaikan dalam infrastruktur seperti jalan pejalan kaki, trek basikal dan pendedahan melalui pendidikan keselamatan jalan raya sebagai strategi yang perlu diberi kepentingan dalam menjayakan program ini. Dengan pelaksanaan program khas seperti hari berjalan juga dapat mempromosikan tentang kepentingan RPS.

Jadual 4

Strategi Pelaksanaan Rancangan Pengangkutan Sekolah

Table 1. School Travel Planning Intervention: Implementation and Impact

Table 1. (Continued from previous page)

School Travel Planning Category	Intervention	BC1*	BC2*	BC3**	AB1*	AB2**	AB3**	ON1**	ON2**	ON3**	NS1*	NS2***	NS3*	n
Capital Improvement projects	Crosswalk lines added or repainted	*	*		*					*		*	*	6
	Removal/trimming of shrubs around school					*						*	*	2
	Improvement of walking route in immediate area around school					*						*	*	3
	Installing 4-way stop					*							*	2
	Signage, yellow school zone, no parking	*	*	*						*				4
	Sidewalk repair, installation	*	*	*										3
	Salt and snow removal	*												1
	Install railing along walkways	*												1
	Remove barriers blocking walkways	*												1
	Install street lights											*		1
Enforcement	Parking enforcement, bylaw officer present	*	*				*	*		*		*	*	5
	Speeding enforcement					*	*	*		*	*	*	*	5
	Lot patroliers					*	*						*	2
Self-report reduction in driving (8)	17.1	14.3	20.9	14.7	13.2	11.3	11.9	12.0	10.6	10.8	20.0	10.0	13.3	
Total initiatives per school	14	12	10	10	14	9	11	6	10	9	9	12	126	
Total initiatives per province		36				33			27			30		126
*Old suburban.														
**New suburban.														
***Rural.														
	Classroom contest													1
	Trailblazing Tuesdays								*					1
	Drive to 5				*									1
	Walk to school week												*	1
	Kick It up Wednesdays				*									1
	Classroom walks				*									1
	Walking buddy program (> 1 day)		*					*	*	*	*	*	*	7

(Continued on next page)

Selain daripada itu, terdapat beberapa unsur yang dikenalpasti dalam implementasi rancangan ini. Iaitu Pendidikan, program dan aktiviti, program peningkatan modal dan penguatkuasaan. Keempat-empat unsur ini penting dalam strategi pelaksanaan rancangan ini.

Jadual 5

Strategi Pelaksanaan Rancangan Pengangkutan Sekolah

Pendidikan mencatat peratusan tertinggi dalam pelaksanaan strategi rancangan ini dari kesemua sekolah yang dikaji. Pendedahan melalui pendidikan kepada murid dan ibu bapa berdasarkan pelbagai cara seperti bengkel, kursus, penyebaran video dan edaran. Pengenalan kepada jalan untuk ke sekolah juga memberi kesan yang baik dalam perancangan ini dimana peta perjalanan yang besar dipamerkan untuk pengetahuan semua murid. Dan ia memberi keyakinan kepada ibu bapa dalam memahami jalan yang selamat untuk anak mereka ke sekolah. Pelbagai program ataupun acara telah dijalankan bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan program ini dikalangan ibu bapa, murid-murid dan masyarakat. seperti hari berjalan, hari tanpa kenderaan dll. Ibu bapa juga dibenarkan untuk mengiringi anak mereka sehingga ke satu jarak yang ditentukan bagi meningkatkan kepercayaan.

Dengan melaksanakan pelbagai aktiviti, keyakinan dan pendedahan tentang program telah memberi kesan kepada rancangan ini. Program bagi meningkatkan modal adalah satu inisiatif untuk membaikpulih ataupun membangunkan kemudahan yang lebih selesa kepada murid-murid yang berjalan ke sekolah. ianya seperti cat lintasan pejalan kaki, pengeluaran halangan pejalan kaki, pemasangan lampu jalan, baikpulih laluan yang rosak dan papan tanda keselamatan jalan raya. Daripada kesemua baik pulih laluan pejalan kaki melibatkan kos yang terlalu tinggi. Dengan pelaksanaan projek dalam pencarian dana, dapat meningkatkan lagi

infrastruktur. Sekolah luar bandar yang lama dapat menganjurkan program peningkatan modal dengan banyak berbanding sekolah baru. Penguatkuasaan adalah satu elemen yang penting dalam kesemua perancangan.

Dengan penguatkuasaan undang-undang yang ketat dapat menjamin keselamatan dan keselesaan murid menjayakan RPS. Contohnya, had kelajuan di Kawasan laluan murid dan tempat letak kereta. Secara keseluruhan, kesemua sekolah berjaya implementasi perancangan strategik bagi meningkatkan kesedaran dan pendedahan tentang RPS. Dengan pelaksanaan strategi dari 6 hingga 14 oleh kesemua sekolah yang terlibat. Berdasarkan ibu bapa keempat-empat unsur diatas adalah paling dominon ataupun banyak memberi pendedahan tentang kepentingan program ini. Terdapat beberapa cabaran ataupun halangan seperti cuaca, masa perjalanan, jarak, keselamatan kanak-kanak dan ketidakselamatan lalu lintas dalam mengoptimumkan bilangan penyertaan murid-murid.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dalam usaha memantapkan sesuatu program ataupun rancangan, perancangan memainkan peranan yang penting. Perancangan merupakan satu proses yang sistematik dan memerlukan penyelarasan. Perancangan membantu pihak pengurusan organisasi menentukan arah tujuan organisasi, memutuskan isu-isu yang berkaitan dengan persoalan mengenai apa, bila dan bagaimanakah pelan perancangan akan dilaksanakan dan siapa yang akan melakukannya. Berdasarkan kajian terdahulu dapat disimpulkan terdapat beberapa unsur yang harus diberi keutamaan dalam pelaksanaan Rancangan Pengangkutan Sekolah. Iaitu Pendidikan, program atau aktiviti, peningkatan modal, penguatkuasaan, dan keselamatan. Mengikut (Buttazzoni 2018) perancangan yang baik dapat memberikan implikasi yang positif kepada rancangan pengangkutan sekolah. Sekolah yang melaksanakan RPS, mempunyai pelan intervensi mengikut kesesuaian sekolah masing-masing (Buliung et al. 2011).

Setiap sekolah harus mempunyai pelan intervensi yang tersendiri disebabkan satu pelan yang umum tidak boleh dilaksanakan di semua sekolah atas perbezaan lokasi, sosioekonomi, budaya yang berbeza. Pendidikan adalah aspek yang paling penting dalam merealisasikan sesuatu informasi. Pendedahan melalui pendidikan formal mudah dicapai oleh semua murid. Ia meliputi keselamatan diri dan juga peraturan jalan raya. Keselamatan diri amat penting dimana ia memberi keyakinan diri kepada murid dalam menangani masalah yang mungkin dihadapi. Ia juga dikira sebagai latihan awal dalam mengurus diri pada masa kecemasan (Aminuddin Ruskam Al-Dawamy & Siti Nur Huda Binti Sulaiman 2000). Menerusi pembelajaran peraturan lalu-lintas keselamatan murid dapat dikawal.

Pengenalan kepada peraturan jalan raya dan papan tanda dapat meningkatkan kesedaran murid ketika penggunaan jalan raya (Buliung et al. 2011). Dan ia juga mampu mengurangkan kemalangan yang melibatkan pejalan kaki. Pelaksanaan program dan aktiviti seperti hari berjalan, bulan berbasikal kesesuaian sekolah boleh meningkatkan minat murid pada RPS (Rutberg & Lindqvist 2018). Minat murid dapat ditarik jika ia dibuat kerap melalui pertandingan peringkat sekolah dengan bantuan daripada pihak berkepentingan. Projek membaik pulih infrastruktur seperti lampu jalan raya, laluan pejalan kaki, pemasangan CCTV laluan murid, papan tanda keselamatan dan jalan raya memberi keyakinan kepada ibu bapa dalam menyokong RPS (Faulkner et al. 2009).

Pihak sekolah harus mencari jalan dalam mencari modal untuk menampung perbelanjaan yang tinggi khususnya dalam pembaikpulihan laluan pejalan kaki (Buliung et al. 2011). Perkara ini boleh diatasi dengan bantuan daripada pihak kerajaan, PIBG dan pengelola sekolah. Penguatkuasaan peraturan jalan raya boleh mengurangkan risiko kemalangan khususnya yang melibatkan pejalan kaki (Shokoohi et al. 2017). Pihak penguatkuasa seperti polis dan majlis perbandaran tidak dapat mengawal keadaan lalu lintas kerana diluar kawalan sekolah. Penguatkuasaan seperti pemantauan had laju kereta, pemasangan bonggol jalan dan

pemantauan oleh pihak berkuasa dapat memastikan suasana yang baik pada di perkarangan sekolah. Ia juga dapat mengurangkan kesesakan jalan raya di kawasan sekolah dan pencemaran udara dan bunyi (Peddie & Somerville 2005).

Isu-Isu di Malaysia

Obesiti kini menjadi satu isu yang besar di negara kita. Hasil kajian (Shariff et al. 2007) membuktikan masalah obesiti dikalangan murid sekolah rendah makin meningkat. Kajian beliau disokong oleh Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (Ministry of Education Malaysia 2018) dimana bilangan obesiti murid tahun enam pada tahap yang amat risaukan iaitu 66834 mengalami obesiti. Punca obesiti dalam kalangan kanak-kanak adalah pelbagai seperti tabiat makan yang tidak sihat, kurang aktiviti fizikal dan gaya hidup. Nyberg et al. (2011) telah mengenal pasti bahawa pengetahuan, sikap, kegemaran, cara penjagaan dan pengawalan, teladan, kesediaan dan kecekapan ibu bapa untuk berubah merupakan faktor-faktor yang boleh diubah demi mempengaruhi tabiat makan dan aktiviti fizikal dan seterusnya perkembangan berat badan anak-anak mereka.

Berdasarkan kepada kajian Azali (2001), seramai 69.2% ibu bapa menganggap bahawa Pendidikan Jasmani dan Kesihatan banyak membuang masa kerana murid telah diwajibkan menyertai kegiatan kokurikulum yang lain pada luar waktu pembelajaran. Kajian ini selari dengan pendapat Mohd Sofian (2003) yang menyatakan punca pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan disebabkan oleh kekangan ibu bapa. Mereka menganggap bahawa mata pelajaran peperiksaan lebih penting daripada mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Semakin meningkat umur seseorang kanak-kanak, semakin kurang mereka melaksanakan aktiviti fizikal. Implikasinya, masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak semakin menular di negara maju (Nemet & Cooper, 2002). Kekurangan pendedahan tentang pemakanan sihat dalam kalangan kanak-kanak juga menyumbang kepada masalah obesiti (UNICEF 2019). Oleh hal yang demikian, persepsi ibu bapa tentang kepentingan matapelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan harus diberi perhatian supaya pengetahuan tentang pemilihan pemakanan sihat dan perlakuan aktiviti fizikal dapat dipertingkatkan.

Implikasi Terhadap Sistem Pendidikan Malaysia

Pendidikan di Malaysia adalah usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan (Mohd Fathi et.al 2010). Usaha ini adalah usaha untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian negara. Pihak bekepentingan memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara. Peranan sistem pendidikan sangat penting dalam pembangunan negara.

Dasar

Kementerian sentiasa berusaha memikirkan peluang membangunkan sektor pendidikan dengan memperkenalkan pelbagai dasar bagi merealisasikan FPN seperti, 1 Murid 1 Sukan (1M1S). Dasar 1M1S ini berhasrat membangunkan modal insan melalui penyertaan yang menyeluruh dalam kalangan murid sepanjang tahun serta memupuk budaya bersukan. (Masai et al. n.d.). Walau bagaimanapun, murid tidak terlibat dengan satu sukan semata-mata (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Berdasarkan kajian (Mohd Faiz 2018) pelaksanaan 1M1S masih memberi kesan yang kurang memuaskan. Terdapat pelbagai faktor yang menjadi cabaran kepada sekolah dalam melaksanakannya seperti kekurangan peralatan, sumber kewangan, infrastruktur dan tiada penyelarasan dalam perancangan. Oleh yang demikian, pihak

kementerian dapat mengatasinya dengan pilihan yang lebih banyak dalam aktiviti supaya ia selesa diamalkan mengikut kesesuaian sekolah.

Kementerian harus peka tentang kemudahan sedia ada di setiap sekolah melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) sebelum pengubalan sesuatu program supaya Aspirasi Sistem Pendidikan Negara tercapai. Dimana aspirasi Akses yang sama kepada semua murid tanpa mengira taraf ekonomi atau latar belakang dalam mendapatkan pendidikan yang berkualiti dan aspirasi Ekuiti yang menjanjikan pendidikan yang terbaik (Malaysia Education Blueprint 2013). Pihak PPD dan JPN juga tidak lagi menunggu laporan daripada sekolah malah boleh mempertingkatkan pemantauan bagi mengetahui masalah yang dihadapi dengan pemantauan melalui unit sukan dan membantu sekolah dengan penyediaan latihan kepakaran. Penentuan KPI dalam sukan ataupun aktiviti fizikal murid kepada sekolah oleh PPD dan JPN juga dapat meningkatkan penglibatan murid secara aktif dalam sukan dimana ianya dapat membantu meningkatkan aktiviti fizikal.

Latihan

Setiap penambahbaikan dalam sistem pendidikan negara hanya dapat dicapai melalui warga pendidik kerana mereka adalah kumpulan yang melaksanakan ataupun menyampaikan kepada murid. Guru adalah entiti yang utama dalam sistem pendidikan. Menurut Ferguson (1991), kepakaran guru mempengaruhi pencapaian pelajar sebanyak 40 peratus di mana kepakaran guru diukur dengan pendidikan guru, pencapaian murid dalam peperiksaan serta pengalaman guru tersebut. Kekurangan tenaga pengajar dalam Pendidikan kesihatan mengakibatkan murid kurang pengetahuan tentang pemakanan sihat dan ia menyumbang kepada pemilihan makanan yang kurang berkhasiat (Kamaruzaman et al. 2013).

Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di sekolah tidak begitu menggalakan ataupun tidak mendapat sokongan daripada pelbagai pihak terutamanya guru hingga mengakibatkan murid kurang berminat untuk mengambil bahagian (Mohd Faiz 2018). Pihak kementerian harus memastikan input yang diberi kepada guru dipantau dengan teliti. Latihan yang berterusan dengan pemantauan dapat meningkatkan kualiti guru dalam menyampaikan hasrat KPM. Keutamaan harus diberikan dengan peningkatan kualiti latihan praperkhidmatan di IPG dan IPT (Malaysia Education Blueprint 2013). Kekurangan tenaga pengajar dalam Pendidikan kesihatan mengakibatkan murid kurang pengetahuan tentang pemakanan sihat. Difahamkan penambahan mata pelajaran Pendidikan Kesihatan dalam mata pelajaran teras oleh Bahagian Profesiisme Guru dalam latihan perguruan di IPGM dapat mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar.

Pentadbir

Dalam sesebuah organisasi pendidikan pentadbiran atau pengurusan adalah memainkan peranan yang penting. Tanpa pengurusan yang cekap proses pengeluaran tidak dapat berjalan dengan baik. Untuk mengurus sesuatu organisasi, pentadbir harus memahami perkara yang ingin disampaikan contohnya perancangan baru kementerian. Kurang pemahaman kepada dasar atau program baru memberi impak negatif kepada seluruh sekolah. Walaupun PPPM sudah kian lama dilaksanakan, kita masih menghadapi masalah dengan pentadbir sekolah yang tidak selesa dengan perubahan semasa dalam dunia pendidikan. Ia juga mengakibatkan pemimpin gagal merancang pembangunan sekolah. Kenyataan ini disokong oleh jurang pencapaian sekolah dalam peperiksaan awam dan juga sukan. Proses pemilihan pentadbir sekolah yang rapi, jelas dan telus supaya dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang dalam pembangunan sekolah seperti yang dinyatakan dalam anjakan kelima harus diperkukuhkan (Malaysia Education Blueprint 2013). Pemimpin yang berkualiti dapat membantu dalam melaksanakan program berdasarkan isu-isu semasa dengan keadaan sekolah yang berbeza.

Guru

Kualiti guru merupakan penentu di peringkat sekolah yang paling penting bagi keberhasilan murid. Pengajaran oleh guru yang berprestasi tinggi dapat meningkatkan kualiti murid dan meningkatkan prestasi sekolah. Penempatan guru harus berlandaskan kepada kepentingan perkhidmatan dan bukan sebilangan mengisi kekosongan. Kementerian telah mengambil pelbagai langkah seperti pengurangan beban guru, meningkatkan kualiti persekitaraan kerja guru. Kenyataan ini disokong dengan pengurangan bebas guru berdasarkan laporan Pendidikan Untuk Semua, Pencapaian KPM 2019 (Maryono 2017). Tetapi kepentingan kepada tugas guru PJK masih tidak diberi penekanan. Contohnya pelaksanaan ujian SEGAK masih menjadi bebanan untuk guru dimana ia juga menjadi satu faktor yang menyebabkan guru bukan opsyen tidak berminat dengan PJK. Walaupun ujian SEGAK memberikan data yang tepat mengenai masalah obesiti dan kecergasan murid, sehingga kini ia hanya diguna sebagai rujukan sahaja. Pihak sekolah terutamanya panitia PJK boleh mengariskan aktiviti pemantapan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran PJK untuk mengurangkan masalah obesiti dan kurang cergas. Panitia PJK juga boleh bergabung dengan jawatankuasa sekolah dan memurnikan “Program Sarapan Percuma” dengan pendedahan kepada pengetahuan pemakanan sihat yang akan dimulakan pada tahun 2020.

KESIMPULAN

Pada keseluruhannya, tajuk ini membincangkan tentang peranan ibu bapa dalam pelaksanaan Rancangan Pengangkutan Sekolah (RPS) berdasarkan dua artikel dan implikasi terhadap sistem pendidikan negara. Terdapat beberapa faktor yang diberi kepentingan dalam menjayakan RPS iaitu keselamatan murid, infrastruktur yang baik dan penguatkuasaan. Juga dicadangkan supaya perancangan RPS harus dibuat oleh setiap sekolah berdasarkan lokasi, latar belakang dan sosio ekonomi masing-masing. Pelaksanaan RPS di Malaysia, memberi kesan yang baik kepada masalah obesiti murid jika dilaksanakan dengan dengan penambahbaikan dari segi dasar, latihan, pentadbir, guru dan murid. Rancangan Pengangkutan Sekolah dapat meminimumkan masalah obesiti dan memaksimumkan aktiviti fizikal murid jika ianya berjaya dilaksanakan dengan panduan yang betul.

Rujukan

- Aminuddin Ruskam Al-Dawamy & Siti Nur Huda Binti Sulaiman. 2000. Persepsi Pelajar Tentang Kejadian Jenayah Terhadap Kanak-Kanak
- Buliung, R., Faulkner, G., Beesley, T. & Kennedy, J. 2011. School Travel Planning: Mobilizing School. *Journal of School Health* 81(11): 704–712. <https://onlinelibrary-1wiley-1com-100015d0q01d8.stcproxy.han.nl/doi/epdf/10.1111/j.1746-1561.2011.00647.x>.
- Buttazzoni, A.N. 2018. Active and Safe Routes to School: Evaluating School Travel Planning to Support Children’s Active Travel. *Electronic Thesis and Dissertation Repository* (5691): 176. <https://ir.lib.uwo.ca/etdhttps://ir.lib.uwo.ca/etd/5691>.
- Facts, F. 2017. PE fast facts 2017
- Faulkner, G.E.J., Buliung, R.N., Flora, P.K. & Fusco, C. 2009. Active school transport, physical activity levels and body weight of children and youth: A systematic review. *Preventive Medicine* 48(1): 3–8. <http://dx.doi.org/10.1016/j.ypmed.2008.10.017>.
- Hawley, G., Witten, K., Hosking, J., Mackie, H. & Smith, M. 2019. The journey to learn: Perspectives on active school travel from exemplar schools in New Zealand. *Journal of Transport & Health* 14(July): 100600. <https://doi.org/10.1016/j.jth.2019.100600>.
- Kamaruzaman, S., Ali, S., Rengasamy, S., Kamarudin, M., Daud, M., Enam, S.M., Farihah, U. & Tulungagung, S.P. 2013. Amalan Senaman dan Kandungan Kolesterol. *Artikel Penelitian* (April): 16–39. <http://stkipgritlungagung.ac.id/jurnal/jurnal/april/2013/SyedKomaruzaman,UmiFarihah,AmalansenamApril2013.pdf>.
- Malaysia Education Blueprint, M. 2013. Malaysia Education Blueprint 2013 - 2025. *Education*

- 27(1): 1–268. <http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/S0742051X10001435>.
- Mammen, G., Stone, M.R., Buliung, R. & Faulkner, G. 2014. School travel planning in Canada: Identifying child, family, and school-level characteristics associated with travel mode shift from driving to active school travel. *Journal of Transport and Health* 1(4): 288–294. <http://dx.doi.org/10.1016/j.jth.2014.09.004>.
- Maryono, M. 2017. Pendidikan Untuk Semua Orang. *Pancaran Pendidikan* 6(1): 2013.
- Masai, S.K., Johor, M., Kokurikulum, U., Masai, S.K. & Bahru, J. (t.th.). Buku pengurusan satu murid satu sukan
- McDonald, N.C. 2007. Active Transportation to School. Trends Among U.S. Schoolchildren, 1969–2001. *American Journal of Preventive Medicine* 32(6): 509–516.
- Ministry of Education Malaysia. 2018. Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah. <Http://Www.Jpns/Index.Php/En/> 4–6. [https://www.moe.gov.my/images/KPM/LP/Media/Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah 2018.pdf](https://www.moe.gov.my/images/KPM/LP/Media/Pelaporan_Pentaksiran_Sekolah_Rendah_2018.pdf).
- Mohd Faiz, M.Y. 2018. Pertindihan dasar pendidikan. pandangan terhadap 1 murid 1 sukan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 5(3): 1–9.
- Mohd Fathi et.al. 2010. Implikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia. *Seminar EduPress* 1–16.
- Newson, C., Cairns, S., Davis, A., Cleary, J., Associates, C.H., Davis, A., Associates, A.D. & Gilbert, G. (t.th.). *Making_School_Travel_Plans_Work_Nov_2010*
- Peddie, B. & Somerville, C. 2005. Travel behaviour change through school travel planning: Mode shift and community engagement - Results from 33 Schools in Victoria. *28th Australasian Transport Research Forum, ATRF 05* 1–13.
- Rutberg, S. & Lindqvist, A.-K. 2018. Active School Transportation is an Investment in School Health. *Health Behavior and Policy Review* 5(2): 88–97.
- Shariff, A.H., Sazlina, S.G. & Shamsul, A.S. 2007. Obesity among urban primary schoolchildren. *Journal of Health and Translational Medicine* 10(1): 17–20.
- Shokoohi, R., Md Dali, M. & Hanif, N.R. 2017. Children Walking to and from School in Tehran: Associations with neighbourhood safety, parental concerns and children's perceptions. *Asian Journal of Environment-Behaviour Studies* 2(3): 25.
- UNICEF. 2019. *Children , food and nutrition: growing well in a changing world*.